

Bagaimana SMK Taman Desa Jaya muncul sebagai salah satu sekolah paling celik digital di Malaysia



Sekolah - sekilas pandang

SMK Taman Desa Jaya merupakan salah satu daripada 37 sekolah awam di daerah Pasir Gudang, Johor. Sekolah awam ini terdapat sebanyak 1,000 pelajar sekolah menengah dan 70-80 tenaga pengajar dan pentadbiran, sekolah ini telah mencipta nama dengan kehebatan digitalnya melalui penggunaan alatan [Google for Education](#) dan webinar pendidikan digital biasa yang dikendalikan untuk sekolah lain di rantau ini.

Latar belakang

Apabila wabak melanda, SMK Taman Desa Jaya terpaksa beralih dengan pantas kepada e-pembelajaran. Walaupun sekolah telah menggunakan platform e-pembelajaran yang sedia ada, fungsinya agak kompleks dan sukar untuk digunakan. Ini mencetuskan peralihan kepada Google for Education, yang dilaksanakan dalam tempoh dua bulan.

Pada Jun 2020, sekolah ini mula menggunakan Inisiatif Pembelajaran Pendidikan Digital Malaysia ([DELIMa](#)), platform pembelajaran dalam talian yang dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kerjasama Google for Education, memberikan guru dan pelajar akses kepada set alatan [Google Workspace for Education](#). Penggunaan sistem e-pembelajaran di sekolah ini bermula pada 2016, apabila 80 [Chromebook](#) telah diedarkan kepada dua makmal komputer.


Cabaran

Walaupun wabak adalah pemangkin yang mendorong sekolah untuk melaksanakan e-pembelajaran sepenuhnya, kerumitan platform e-pembelajaran sedia ada di sekolah menjadi penghalang utama bagi guru untuk memindahkan pelajaran mereka secara dalam talian.

Guru juga bergelut untuk memastikan pelajar mereka sentiasa bersemangat dan melibatkan diri dalam talian. Sebelum itu, platform e-pembelajaran mereka hanya membenarkan pelajar mengakses tugas dan bahan pembelajaran, dengan sedikit ruang untuk penglibatan. Ini mengakibatkan kehadiran pelajar merosot.

Sebagai pemimpin [Kumpulan Pendidik Google](#) (KPG) atau Google Educator Group (GEG), penyelaras ICT sekolah, Encik Benny Lau, pantas menyedari bagaimana Google for Education yang mesra pengguna dan ringkas dapat membantu para pelajar dan tenaga pengajar. Inilah yang mencetuskan peralihan sekolah kepada Google for Education.





Penyelesaian

Dengan sokongan KPM, sekolah telah beralih kepada DELIMa, platform pembelajaran dalam talian yang memberi guru akses kepada alat kerjasama dan produktiviti Google Workspace for Education, termasuk [Google Classroom](#). Ditambah dengan pelaksanaan Chromebook, sekolah dapat meningkatkan kadar kehadiran secara perlahan tetapi berterusan.

Memupuk pelajar berdikari

Perubahan bermula secara kecil-kecilan. Guru mula mengendalikan kelas menggunakan [Google Meet](#) dan pelajar menjadi lebih bermotivasi untuk meneroka dan mengakses bahan pembelajaran tambahan apabila mereka menerima tugasan. "Mereka menjadi lebih berdikari dengan pelajaran mereka," menurut Encik Benny.

Peralihan kepada Google for Education malah telah memberi inspirasi kepada sesetengah pelajar untuk mengambil inisiatif bukan sahaja menyerap kandungan, tetapi untuk mempelajari kemahiran digital lain dan mencipta kandungan sendiri. "Sejak berpindah ke Google for Education, seorang pelajar saya telah memulakan saluran YouTube sendiri untuk kongsi ideanya dengan menghasilkan dan memuat naik video," jelas Encik Benny.



Membudayakan literasi digital di kalangan guru

Pada mulanya, ternyata agak sukar untuk melibatkan guru-guru untuk menggunakan alatan Google for Education kerana sebilangan besar guru tidak mempunyai pendedahan atau pengalaman dengan Google Workspace for Education. Untuk memudahkan peralihan, Encik Benny memulakan saluran YouTube di mana dia memuat naik video tutorial tentang cara menggunakan Google Workspace for Education. Dalam masa dua bulan, setiap guru boleh menggunakan Bilik Darjah Google dengan mudah.

Menurut Encik Benny lagi, apa yang menjadikan Google Classroom popular di kalangan guru, adalah kemudahan penggunaannya, serta keupayaannya untuk menyimpan rekod digital penilaian pelajar.



Sebelum ini, sekolah kami tidak dikenali. Tetapi kini, kami muncul sebagai salah sebuah sekolah terkenal di negara ini. Ramai guru telah mengambil inisiatif untuk memastikan kelas mereka lebih interaktif dan menarik. Hari ini, sekolah kami menghasilkan lebih ramai Jurulatih dan Pendidik Google for Education.”

Benny Lau,
Penyelaras ICT
SMK Taman Desa Jaya



Melalui Google Classroom, guru juga boleh mengurus kelas dengan mudah, menyimpan rancangan pelajaran mereka dalam talian dan mengakses atau mengedit maklumat dengan cekap, di mana jua mereka berada dan pada bila-bila masa. "Ia seperti platform media sosial," kata Encik Benny. "Pelajar boleh kongsi status terkini mereka, fail dan menyerahkan tugas mereka secara langsung."



Apabila perintah kawalan pergerakan dan pembelajaran jarak jauh dilaksanakan pada Jun 2020, Encik Benny dan seorang lagi rakan sekerja merupakan [Jurulatih Diperakui Google](#) GEG di Pasir Gudang. Namun pada hari ini, tiga lagi rakan sekerjanya telah berjaya mencapai pensijilan Google Certified Educator (GCE) Tahap 1 dengan baucar latihan KPM, dan salah seorang daripada mereka telah mencapai pensijilan GCE Tahap 2.

Meningkatkan penglibatan pelajar

Dengan Chromebook dan akses percuma kepada Google Workspace for Education, setiap guru dan pelajar kini boleh belajar secara digital, di mana-mana sahaja. "Ia mesra pengguna, selamat dan mudah digunakan," kongsi Encik Benny. "Dan spesifikasinya memenuhi keperluan mereka."

Kini dilengkapi dengan Chromebook, guru boleh menikmati akses kepada pelbagai alatan Google for Education seperti Google Slides dan [Google Jamboard](#). Guru juga memanfaatkan pecahan bilik dalam Google Meet untuk menjadikan kelas mereka lebih interaktif dan menarik.

Guru juga boleh memberikan sentuhan baharu untuk menyemarakkan lagi pembelajaran apabila mereka mengakses rangkaian sumber pendidikan yang meluas dengan kandungan tersedia di [Hab Aplikasi Chromebook](#) — seperti aplikasi Kahoot!, di mana pelajar boleh menghos dan bermain kuiz bersama-sama.




Saya boleh menyerahkan semua tugas saya ke kelas yang dihasilkan oleh guru menggunakan aplikasi seperti Google Jamboard dan Google Classroom. Ia menjadikan pelajaran saya lebih mudah dengan mengikuti rutin yang telah dibuat oleh guru-guru untuk kami melalui pautan Google Meet.”

Nageshwaran A/L Palanisamy,

Pelajar tingkatan 4,

SMK Taman Desa Jaya





Ringkasan

Pelbagai usaha telah memperkasakan tenaga pengajar dan para pelajar di sekolah untuk beralih kepada e-pembelajaran. Dalam tempoh dua bulan selepas menggunakan Google for Education, kehadiran pelajar telah meningkat sebanyak 20%.

Selain menambah baik pengajaran dan pembelajaran di sekolah, teknologi ini juga telah membantu bina keyakinan di kalangan rakan sekerja Encik Benny. Ramai daripada mereka kini menawarkan diri secara sukarela untuk membantu dan memperkasakan guru dari sekolah lain untuk menggunakan Google for Education, serta menjadi juruteknik ICT yang diyakini untuk menjalankan program luar sekolah.

Apabila sekolah bergerak ke arah pembelajaran hibrid, sekolah akan terus menggunakan Google Workspace for Education. Dengan pendigitalan di hampir setiap peringkat, guru-guru boleh menjimatkan kos percetakan, dan tidak perlu lagi membawa dokumen berat. Dengan set alatan yang ada, sekolah bersedia menghadapi sebarang cabaran yang mungkin timbul di masa hadapan.

"Pelajar juga menjadi lebih berdikari dan yakin dalam menuntut ilmu," kata Encik Benny. "Satu kemahiran penting yang akan mempersiapkan mereka menghadapi masa depan."



Google for Education telah melengkapi saya dengan pengetahuan, pengalaman dan juga kemahiran untuk melakukan tugas harian saya di sekolah. Saya percaya walaupun selepas COVID-19 di masa hadapan, saya lebih yakin untuk melaksanakan semua yang saya pelajari dalam menguruskan hal ehwal ICT sekolah dengan lebih mudah dan berkesan."

Benny Lau,
Penyelaras ICT, SMK Taman Desa Jaya



Terokai

bagaimana Google for Education membantu pendidik memanfaatkan cara baharu untuk belajar di edu.google.com/new-school